



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin Nya, Draf Rancangan Tempatan Daerah seremban telah siap sedia untuk dipublisitikan bagi semakan awam.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih terutamanya kepada Kerajaan Negeri Sembilan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Sembilan, Jabatan/agensi Kerajaan, sektor swasta serta semua pihak yang telah membantu Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai menyediakan Draf Rancangan Tempatan Daerah Seremban.

Kedudukan Daerah Seremban sebagai sebahagian Konurbasi Kuala Lumpur merupakan salah satu daripada kekuatan yang diperolehi oleh daerah ini. Ia merupakan pintu masuk utama selatan Konurbasi Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Ia secara tidak langsung akan meningkatkan manfaat kepada Daerah Seremban. Selain itu, daerah ini juga terletak berhampiran dengan projek-projek mega berkepentingan nasional “*High Impact Projects*” seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Pusat Pentadbiran Persekutuan Putrajaya dan Koridor Raya Multi Media di Cyberjaya. Kedudukan ini secara langsung akan memberikan kesan dan pengaruh terhadap corak pembangunan daerah ini.

Program publisiti dan penyertaan awam merupakan langkah penting ke arah perancangan fizikal yang lebih demokratik dan telus dalam merealisasikan daerah Seremban sebagai Daerah Metropolitan menjelang 2010. Adalah menjadi hasrat Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai untuk memastikan perancangan dan pembangunan yang akan dilaksanakan memenuhi kehendak pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan dan mengambil kira kehendak serta aspirasi penduduk tempatan.

Saya bagi pihak Majlis Perbandaran Seremban dan Majlis Perbandaran Nilai menyeru kepada semua penduduk tempatan mengambil peluang dalam program publisiti dan penyertaan awam selaras dengan Seksyen 13(2) Akta 172, bagi menyalurkan pandangan, teguran dan bantahan terhadap cadangan-cadangan yang disediakan, demi kepentingan semua lapisan masyarakat.

Penduduk tempatan boleh mengemukakan cadangan, bantahan dan ulasan dengan mengisi borang bantahan yang disediakan atau menghantar memorandum berkenaan perkara-perkara yang dirasakan perlu untuk kepentingan awam. Penglibatan semua amat dialukan bagi merealisasikan aspirasi negara serta meningkatkan kualiti hidup rakyat Rantau khususnya. Semoga program publisiti yang berlangsung selama 4 minggu dapat dimanfaatkan oleh semua lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

(DATO' HJ. ABD. HALIM BIN ABD. LATIF)

KEPERLUAN PERUNDANGAN

Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah Seremban 2006-2015 adalah selaras dengan seksyen 12 (1), Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Di bawah Akta ini, setiap Pihakberkuasa Perancang Tempatan perlu menyediakan Rancangan Tempatan bagi mana – mana bahagian dalam kawasan pentadbirannya

APAKAH RANCANGAN TEMPATAN

Rancangan Tempatan Daerah mengandungi peta dan pernyataan bertulis dan disokong oleh garis panduan pembangunan yang menerangkan dengan lebih terperinci segala cadangan Pihakberkuasa Perancangan Tempatan untuk pemajuan dan penggunaan tanah di kawasannya

WAWASAN PEMBANGUNAN

Daerah Seremban sebagai salah satu kawasan gabungan pertumbuhan separa wilayah (sub-regional growth conurbations) di bahagian tengah Negeri Sembilan.

FUNGSI UTAMA RANCANGAN TEMPATAN

- Menterjemah dasar dan strategi Rancangan Struktur Negeri Sembilan dengan lebih terperinci dalam konteks pemajuan, penggunaan dan pemeliharaan tanah pada masa hadapan;
- Mencadangkan kegunaan tanah bagi tempoh perancangan, 2006-2015;
- Menyediakan garis panduan perancangan bagi menggalakkkan dan memandu pembangunan serta memudahkan pihak berkuasa perancangan tempatan tempatan memproses permohonan kebenaran merancang;

OBJEKTIF RANCANGAN TEMPATAN

- Mentafsir dasar-dasar dan cadangan umum Rancangan Pemajuan Pihak Berkuasa Tempatan ke dalam konteks fizikal serta mengabungkan aspek-aspek sosial, ekonomi dan penggunaan sumber
- Membentuk satu rangka pembangunan guna tanah dalam rangka kerja pembangunan disokong garis panduan serta kelas kegunaan tanah.
- Melindungi dan memperelok alam sekitar dan memelihara topografi, serta bangunan bersejarah.
- Merancang penyediaan kawasan lapang/rekreasi
- Merancang pembangunan sistem infrastruktur dan komunikasi yang effisyen.
- Mengenal pasti projek-projek pembangunan mengikut keutamaan daerah serta merangka garis panduan pelaksanaan pembangunan oleh badan awam dan swasta.